



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 20 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 20 DISEMBER 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Dec	Syarikat stesen minyak, dua pengarah didakwa jual diesel lebih had	https://www.sinarharian.com.my/article/703019/berita/semasa/syarikat-stesen-minyak-dua-pengarah-didakwa-jual-diesel-lebih-had	SINAR HARIAN
20-Dec	Petrol station, two directors charged with selling diesel beyond permitted limit	https://thesun.my/malaysia-news/petrol-station-two-directors-charged-with-selling-diesel-beyond-permitted-limit-LF13439929	THE SUN
20-Dec	Pengarah, syarikat pembungkus minyak masak didenda RM240,000 beri maklumat palsu	https://www.sinarharian.com.my/article/702998/berita/semasa/pengarah-syarikat-pembungkus-minyak-masak-didenda-rm240000-beri-maklumat-palsu	SINAR HARIAN
20-Dec	Pengarah, syarikat pembungkus minyak masak didenda RM240,000 beri maklumat palsu	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167898/pengarah-syarikat-pembungkus-minyak-masak-didenda-rm240000-beri-maklumat	HARIAN METRO
20-Dec	Pengarah, syarikat pembungkus minyak masak paket didenda RM240,000	https://malaysiagazette.com/2024/12/19/pengarah-syarikat-pembungkus-minyak-masak-paket-didenda-rm240000/	MALAYSIA GAZETTE
20-Dec	KPDN Limbang hargai kerjasama pengamal media	https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/19/kpdn-limbang-hargai-kerjasama-pengamal-media	UTUSAN BORNEO
20-Dec	Mydin kerjasama dengan KPDN lancar inisiatif Bangga Buatan Lokal	https://www.sinarharian.com.my/article/703105/bisnes/mydin-kerjasama-dengan-kpdn-lancar-inisiatif-bangga-buatan-lokal	SINAR HARIAN
20-Dec	Mydin & KPDN lancar inisiatif Bangga Buatan Lokal	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1168002/mydin-kpdn-lancar-inisiatif-bangga-buatan-lokal	HARIAN METRO
20-Dec	Mydin unveils 'Proudly Made Local' initiative to boost local entrepreneurs	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1150573/mydin-unveils-proudly-made-local-initiative-boost-local-entrepreneurs	NEW STRAITS TIMES

20-Dec	Barangan Buatan Malaysia Tembusi Pasaran Global, Jana Ekonomi Negara - Fuziah	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2375393	BERNAMA
20-Dec	Kejayaan KPDN tangani isu hasil kerjasama bersama media	https://utusansarawak.com.my/kejayaan-kpdn-tangani-isu-hasil-kerjasama-bersama-media/	UTUSAN SARAWAK
20-Dec	Menang anugerah dua tahun berturut-turut, prestasi cemerlang KPDN Sarawak membanggakan	https://utusansarawak.com.my/menang-anugerah-dua-tahun-berturut-turut-prestasi-cemerlang-kpdn-sarawak-membanggakan/	UTUSAN SARAWAK
20-Dec	Laporan kajian kartel, beras diumum awal tahun depan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1339030/laporan-kajian-kartel-beras-diiumum-awal-tahun-depan	BERITA HARIAN
20-Dec	PM akan umum laporan kartel padi, beras	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167928/pm-akan-umum-laporan-kartel-padi-beras	HARIAN METRO
20-Dec	Tipu pakej pelancongan ke Korea Selatan, polis terima 24 laporan	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1339028/tipu-pakej-pelancongan-ke-korea-selatan-polis-terima-24-laporan	BERITA HARIAN
20-Dec	Polis Terima 24 Laporan Tipu Pakej Pelancongan Ke Korea Selatan	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2375293	BERNAMA
20-Dec	24 laporan polis berhubung penipuan pelancongan pem-pengaruh	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1167940/24-laporan-polis-berhubung-penipuan-pelancongan-pem-pengaruh	HARIAN METRO
20-Dec	Penipuan pakej pelancongan Korea Selatan: PDRM terima 24 laporan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penipuan-pakej-pelancongan-korea-selatan-pdrm-terima-24-laporan-501320	ASTRO AWANI



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

24 laporan polis diterima, isu tipu pakej pelancongan Seoul

PETALING JAYA: Sebanyak 24 laporan diterima Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung penipuan pakej pelancongan ke Seoul, Korea Selatan yang didakwa dikendalikan usahawan yang juga pempengaruh membabitkan kerugian mencecah RM454,450.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Datuk Seri Mohamed Yoosuf berkata, pihaknya ada menerima laporan daripada mangsa-mangsa didakwa ditipu individu terbabit.

"Kes sedang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Mangsa juga dinasihatkan segera tampil membuat laporan di mana-mana balai polis supaya siasatan sewajarnya dapat dilakukan," katanya.

Menurutnya, sebahagian kes turut dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk tindakan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).

Beliau berkata, sebagai langkah pencegahan dalam membendung kes penipuan pakej pelancongan, individu yang berhasrat membeli pakej pelancongan dinasihatkan melayari portal rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (www.motac.gov.my/semasakan).

"Selain itu semakan pendaftaran agensi yang menawarkan pakej pelancongan boleh dibuat.

"Langkah mudah ini amat penting bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan pakej pelancongan yang ditawarkan oleh syarikat tidak berdaftar," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial, video luaran seorang individu yang mendakwa menjadi mangsa penipuan Kim Seri atau nama sebenarnya, Seri Azlina dan perkongsian itu mengundang pelbagai reaksi dengan rata-rata bersimpati serta meminta mangsa membuat laporan polis.

Pengarah, syarikat bungkus minyak peket didenda RM240,000

BATU PAHAT — Seorang pengarah dan syarikat pembungkusan minyak masak peket dikenakan denda RM240,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini kelmarin selepas didapati bersalah atas pertuduhan mengemukakan maklumat palsu berkaitan penjualan minyak masak, tahun lalu.

Hakim Osman Affendi Mohd Shalleh membuat keputusan itu terhadap tertuduh, Mohd. Nazib Jamean, 46, dan syarikat miliknya selepas mengaku salah sejurus pertuduhan dikemukakan.

Mahkamah menjatuhkan hu-

kuman denda RM90,000 terhadap Mohd. Nazib dan RM150,000 ke atas syarikatnya selain memerintahkan penjara sembilan bulan jika gagal bayar denda.

Difahamkan, tertuduh membayar denda tersebut.

Hakim turut memutuskan agar kesemua hasil jualan minyak masak yang berjumlah RM62,000 dilucut hak dan dijadikan hasil kerajaan.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh dan syarikatnya didakwa mengemukakan maklumat palsu penjualan minyak masak

ketika pemeriksaan dilakukan pasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Batu Pahat.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah premis di sekitar Tongkang Pechah, di sini pada pukul 10.30 pagi, 22 November 2023.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 8(4)(B) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa KPDN, Firdaus Ruslan, manakala tertuduh diwakili peguam Tan Song Yan.

Polis terima 24 laporan babit kerugian RM454k

Kuala Lumpur: Polis menerima 24 laporan berhubung individu mendakwa menjadi mangsa penipuan pakej pelancongan ke Seoul, Korea Selatan yang dikendalikan usahawan yang juga pempengaruh membabitkan kerugian mencecah RM454,450.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Datuk Seri Mohamed Yoosuf berkata, kes sedang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaaan.

Menurutnya, sebahagian kes turut dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk tindakan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).

“Mangsa dinasihatkan supaya segera tampil membuat laporan di mana-mana balai polis supaya siasatan sewajarnya dapat dilakukan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, sebagai langkah pencegahan dalam membendung kes penipuan pakej pelancongan, individu yang berhasrat membeli pakej pelancongan dinasihatkan melayari portal rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (www.motac.gov.my/semasakan).

“Selain membuat semakan pendaftaran agensi yang menawarkan pakej pelancongan berkaitan. Langkah mudah ini amat penting bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan pakej pelancongan yang ditawarkan oleh syarikat tidak berdaftar,” katanya.

Terdahulu, tular di media sosial, video luahan seorang individu yang mendakwa menjadi mangsa penipuan Kim Seri atau nama sebenarnya, Seri Azlina dan perkongsian itu mengundang pelbagai reaksi dengan rata-rata bersimpati serta meminta mangsa membuat laporan polis.

Alor Setar: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan laporan kajian mengenai kartel padi dan beras pada awal tahun depan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, laporan itu ketika ini sudah berada di peringkat akhir.

Menurutnya lagi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga akan turut akan memperkenalkan program atau pendekatan baharu yang akan turut diumumkan ke mudian.

“Sekarang ini di peringkat

Umum kartel padi awal tahun depan

paling intensif dibuat kajian itu. Insya-Allah (di peringkat KPKM) Ketua Setiausaha (KSU) mengepalai program yang terdekat kita akan umumkan program-program baru berkenaan.

“Kalau saya umum sekarang bocor nanti KSU marah, awal tahun depan akan diumumkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis

Menandatangani Perjanjian Konsesi Cadangan Pembangunan Infrastruktur Bagi Menyokong Program Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun di Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), di sini, hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dr Fuziah Salleh dilaporkan berkata, beliau sudah meneliti laporan kajian kartel padi dan beras yang disiapkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

KPKM juga akan turut akan perkenal program atau pendekatan baharu

Polis terima 24 laporan tipu pakej ke Korea Selatan

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan menerima 24 laporan daripada mangsa penipuan pakej pelancongan ke Korea Selatan dilakukan oleh seorang pempengaruh.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, menerusi laporan dibuat mangsa, nilai kerugian dianggarkan mencapai ham-pir setengah juta ringgit.

Menurut beliau, kes penipuan itu tular di media sosial apabila seorang pem-pengaruh dikenali sebagai 'Kim Seri' atau



RAMLI

Kimseri_Eina didakwa me-lakukan peripuan pakej pe-lancongan ke Korea Selatan.

Setakat ini, katanya, polis telah menerima 24 laporan daripada mangsa-mangsa yang terlibat dengan nilai kerugian sebanyak RM454,450.

"Kes penipuan ini disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," kata beliau dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ramli memberitahu, se-bagian daripada kes berkenaan turut dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara

Hidup (KPDN).

Jelas beliau, ia untuk tindakan KPDN di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).

Ramli meminta orang ramai yang menjadi mangsa penipuan tersebut supaya tampil membuat laporan di mana-mana balai polis berhampiran supaya satu siasatan sewajarnya dapat dijalankan.

Sebagai langkah pencegahan, menurutnya, orang ramai yang ingin membeli pakej pelancongan dinasihatkan untuk melayari portal rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di www.motac.gov.my/semasakan/.

Selain itu, katanya, orang ramai boleh membuat semakan pendaftaran agensi yang menawarkan pakej pelancongan di

Walaupun tak perlu audit, penyata kewangan masih wajib



NASIHAT
POK NIK DEEN

Bagi mengurangkan kos syarikat persendirian yang kecil, Suruhanjaya

Syarikat Malaysia (SSM) telah memperluaskan lagi pengecualian audit ke atas syarikat-syarikat yang jualan atau asetnya kurang daripada RM3 juta dan pekerja kurang daripada 30 orang.

Pengecualian audit itu sudah lama diamalkan di luar negara kerana bukan sahaja kosnya tinggi kepada syarikat kecil tetapi manfaat audit bebas tidak begitu ketara sekiranya pemilik, pengarah dan pengurus ialah orang yang sama.

Adakah itu bermakna syarikat kecil yang dikecualikan audit tidak perlu lagi menyediakan penyata kewangan? Tidak.

Penyediaan penyata kewangan yang memenuhi piawaian perakaunan, berkuat kuasa untuk diedarkan kepada pemegang saham dan diserah simpan dengan SSM masih wajib. Yang dikecualikan hanyalah pelantikan juruaudit dan audit itu sendiri.

Pelik sekiranya usahawan yang memiliki dan menjalankan perniagaan melalui syarikat sendirian berhad memandang penyediaan penyata kewangan lengkap dan berkualiti sebagai satu beban. Ia samalah seperti memandu kereta tanpa mengetahui jumlah minyak yang berbaki, kelajuan semasa dan suhu enjin kerana papan pemukanya tidak berfungsi.

Untuk mengambil tindakan dan membuat keputusan perniagaan, maklumat kewangan yang relevan serta berkualiti amat penting. Peraturan baru itu juga menjimatkan dari segi masa kerana proses audit boleh mengambil masa sekiranya firma audit yang dilantik sibuk mengaudit syarikat lain yang lebih besar.

Jika syarikat mampu menyediakan penyata kewangan dan penyata-penyata lain, dengan ia boleh terus digunakan untuk diedarkan kepada pemegang sa-

ham dan diserah simpan dengan SSM, tak payah tunggu sesiapa lagi.

Itu bermakna selepas ini usahawan yang menggunakan syarikat sendirian berhad akan dapat menilai kemampuan 'akauntan-akauntan' yang ada dalam perniagaan dalam satu dimensi baharu pula.

Jika mereka mampu, tentulah ia akan mengurangkan kos perniagaan kerana sekiranya firma perakaunan perlu dibawa masuk untuk menyediakan penyata kewangan, itu bermakna penjimatan kos dinikmati hasil daripada pengecualian audit tidak boleh dimaksimumkan.

Bahkan secara teorinya, selama penyata kewangan diaudit, akauntan syarikat sudah menyediakan penyata kewangan sempurna, kerja juruaudit hanyalah mengaudit. Sama seperti di negara lain, kebanyakan syarikat dikecualikan audit masih perlukan perkhidmatan firma perakaunan bagi membantu menyediakan penyata kewangan.

Biasanya firma perakaunan juga akan membantu dari segi pematuhan cukai, yang menjadi tanggungjawab syarikat. Oleh itu, ketakutan firma perakaunan ba-

hawa selepas pengecualian audit, banyak firma perakaunan akan gulung tikar adalah tidak berasas. Itu hanya cakap-cakap agar SSM mengekalkan rejim audit yang tidak munasabah seperti sebelum wujudnya pengecualian baharu ini.

Untuk mengaudit, firma perakaunan perlu memenuhi banyak syarat supaya mereka dikehilangan sebagai satu pihak yang bebas. Sekiranya mereka membantu menyediakan penyata kewangan bukan sebagai juruaudit, mereka tidak perlu memenuhi syarat kebebasan.

Itu bermakna bukan sahaja kos perkhidmatan akan turun tetapi firma perakaunan boleh menawarkan pelbagai perkhidmatan yang ada nilai tambah tinggi kepada syarikat, yang mana mereka tidak boleh menawarkannya sebelum ini.

Ada banyak manfaat boleh dijana melalui pengecualian audit. Sekarang sudah jadi tanggungjawab syarikat dan firma perakaunan berusaha menjana manfaat itu. Mereka boleh mencapai keadaan 'untung-untung'. Usahalah.

* Datuk Nik Mohd Hasyuddin Yusoff ialah bekas Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji

Denda RM240,000 beri data palsu

BATU PAHAT - Seorang pengarah dan syarikat pembungkus minyak masak peket didenda RM240,000 selepas didapati memberi maklumat palsu ketika mengemukakan maklumat penjualan minyak masak di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Lilis Saslinda Pornomo berkata, tertuduh mengaku salah atas pertuduhan mengikut Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kesalahan dikesan ketika pemeriksaan dilakukan penguat kuasa KPDN cawangan Batu Pahat susulan audit hasil minyak masak peket di sebuah premis di Tongkang Pechah jam 10.30 pagi pada 22

November tahun lalu.

"Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 8(4)(b) Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ujarnya, pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa KPDN, Firdaus Ruslan manakala tertuduh diwakili peguam, Tan Song Yang.

"Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM90,000 terhadap pengarah syarikat atau sembilan bulan penjara jika gagal membayar denda manakala syarikatnya pula didenda RM150,000.

"Hakim Osman Affendi Mohd Shalleh turut memerintahkan semua hasil jualan minyak masak berjumlah RM62,000 dilucut hak serta merta," katanya.



Pengarah syarikat pembungkus minyak masak paket ketika hadir di Mahkamah Sesyen Batu Pahat pada Rabu.

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/12/2021

M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

Daily Express

INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14



ASIA TIMES

EST 1995

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

Petrol station, two directors charged with selling diesel beyond permitted limit

SEREMBAN: A petrol station company and its two directors were charged at the Sessions Court on Thursday for allegedly allowing the sale of 6,562 litres of diesel, exceeding the permitted limit, last year.

The company, represented by its two directors, Lim Kok Ban, 63, and Othman Mohamad Supian, 59, pleaded not guilty after the charges were read before Judge Mohamad Kamil Nizam.

Lestari Kasturi Sdn Bhd and the two directors, as the retail license holders, are accused of allowing the sale of 6,562 litres of scheduled diesel fuel to a lorry driver around 7pm on Aug 21, 2023, at a petrol station in Bandar Baru Nilai.

The directive from the Control of Supplies Officer stipulates that petrol stations nationwide are only allowed to sell diesel to vehicles with Malaysian registration plates in quantities not exceeding 250 litres per transaction per day, and only into the vehicle's original tank.

The company was charged under Regulation 21(1) of the Control of Supplies Regulations 1974, which carries a maximum fine of RM2 million for the first offence and up to RM5 million for subsequent offences.

The directors were charged under the same Regulation and may face a fine of up to RM1 million, imprisonment for up to three years, or both upon conviction.

Deputy public prosecutor Nor Alimah Mohd Sanusi requested the court to set bail at RM10,000 with one surety for each

director.

However, their lawyer Rosmira Embong, requested bail of RM5,000 for each of her clients, citing their family responsibilities and health issues requiring medical treatment.

The court granted bail at RM5,000 with one surety for each director and set the next case mention for Feb 6, 2025.

Meanwhile, in the same court, a company operating a restaurant and its Bangladeshi worker pleaded not guilty to charges of possessing 1.241 kg of subsidised cooking oil at an unlicensed premises in April.

Pelita Samudra Pertama (M) Sdn Bhd, represented by its operations manager Mohd Arman Omar, 45, and Das Jhonny Chadra, 33, allegedly committed the act at the restaurant's workers hostel here at 3.15 pm on 26 April.

They were charged under Section 20(1) of the Control of Supplies Act 1961.

Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) prosecutor Khairul Azman Rosli appeared for the prosecution, while the company and the accused were represented by lawyer Ashok Athimulan.

Judge Mohamad Kamil then set bail at RM15,000 with one surety for Das Jhonny, along with additional conditions requiring him to report to the KPDN Seremban office monthly and surrender his passport to the court.

The court scheduled the next case mention and attendance of the company director in court for Feb 13, 2025. — Bernama

Police get 24 reports over travel packages to South Korea

KUALA LUMPUR: The police are investigating 24 reports from people claiming to have been cheated of RM454,450 in travel packages to South Korea allegedly operated by a local influencer and entrepreneur.

Bukit Aman Commercial Crime Investigation Department Director Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf said the probe was being made under Section 420 of the Penal Code, and some cases had been referred to the Consumer Claims Tribunal under the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living for action under the Consumer Protection Act 1999 (Act 599).

In a statement issued on Thursday, he advised all victims to lodge reports at any police station.

To prevent similar travel package scams, Ramli urged the public to verify the registration of travel agencies through the official portal of the Ministry of Tourism, Arts and Culture at www.motac.gov.my/semasakan/.

"This simple step is crucial to avoid falling victim to travel package scams offered by unregistered companies," he said.

Since last Monday, a video has gone viral on social media featuring a woman claiming to be a victim of an alleged scam by the influencer and entrepreneur who operated a travel agency in South Korea — Bernama

Run Rahmah Sales during each festive season, urges minister



Cindy Lai

cindylai@theborneopost.com

MIRI: Sarawak Transport Minister Dato Sri Lee Kim Shin has called for the Rahmah Sales programme to be organised during every festive season to give residents early preparation to buy essential goods at discounted prices.

He believes that such initiative would alleviate the financial burden of residents who celebrate their respective festivals.

"Sarawakians, with our diverse ethnicities and religions, celebrate various festivals throughout the year—this our way of life.

"Since we celebrate many festivals annually, everyone can enjoy discounted prices during festive-themed sales including Christmas, Chinese New Year, Hari Raya Aidilfitri, and Gawai," he said.

He said this when officiating



(Front, from fourth left) Yong, Sudirman, Lee and others join the residents in a group photo at the Mobile Rahmah Sales.

the Mobile Rahmah Sales event at Dewan Dato Permaisuri Permyjaya yesterday, organised by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in collaboration with Emerald Trading Resources.

On the event, Lee said there are 26 types of food items including chicken, eggs, and cooking oil

offered at discounted prices.

He also praised the spacious event venue, offering ample parking spaces.

The Mobile Rahmah Sales will continue to run on Dec 21 at the Parish of Good Shepherd in Lutong and the Kampung Bukit Peninjau multipurpose hall; and Dec 21-22 at Sentral

Taman Tunku, Boulevard Trading Sepupok, Pasar Serbaneka Keluarga in Pekan Beluru, and Pasar Serbeneka Keluarga in Batu Niah, Lapok.

Also present at the event were Miri Consumerism Unit chief Sudirman Sopian and Emerald Trading Resources general manager Bryan Yong.

Jualan Rahmah harus diadakan setiap musim perayaan

Ia sebagai persediaan awal penduduk dapatkan barang dapur pada harga diskau, sekali gus meringankan beban: Lee

Oleh Steve Annuar

MIRI: Menteri Pengangkutan Dato Sri Lee Kim Shin mahu Program Jualan Rahmah (PJR) termasuk Jualan Rahmah Bergerak diadakan pada setiap musim perayaan sebagai persediaan awal penduduk mendapatkan barang dapur pada harga diskau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senadin itu berkata, langkah itu akan membantu mengurangkan beban perbelanjaan penduduk ketika meraihkan perayaan masing-masing.

Lee memberitahu, rakyat Sarawak yang pelbagai kaum dan agama meraikan pel-

“Jadi semua boleh menikmatinya (harga diskau) dan jualan mengikut musim perayaan seperti Krismas, Tahun Baharu Cina, Hari Raya dan Gawai.**”**

Dato Sri Lee Kim Shin
Menteri Pengangkutan

bagai perayaan sepanjang tahun.

“Ini memang cara hidup kita di Sarawak.

“Kita rai pelbagai perayaan dalam setahun.

“Jadi semua boleh menikmatinya (harga diskau) dan jualan mengikut musim perayaan seperti Krismas, Tahun Baharu Cina,

Hari Raya dan Gawai,” jelasnya.

Lee berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Jualan Rahmah Bergerak di Dewan Dato Permaisuri Permyjaya disini, semalam.

Jualan dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos



MANTAP: (Dari tujuh kanan) Lee, Sudirman dan Yong bergambar bersama penduduk yang mengunjungi Jualan Rahmah Bergerak di Dewan Dato Permaisuri pagi semalam.

Sara Hidup dengan kerjasama Emerald Trading Resources.

Menurut Lee, sebanyak 26 jenis makanan termasuk daging ayam, telur dan minyak

dijual dengan harga diskau.

Lee berkata, lokasi tersebut dipilih kerana saiz dewan

yang luas dan banyak tempat parkir.

Jualan Rahmah Bergerak akan diteruskan pada Sabtu ini di The Parish of Good Shepherd Lutong dan Dewan Serbaguna Kampung Bukit Peninjau.

Sementara PJR akan diadakan selama dua hari di Sentral Taman Tunku, Boulevard Trading Sepupok, Pasar Serbaneka Keluarga Pekan Beluru dan Pasar Serbaneka Keluarga Batu Niah Lapok pada Sabtu dan Ahad ini.

Hadir sama Ketua Unit Keperguruan Mir Sudirman Sopian dan Pengurus Besar Emerald Trading Resources Bryan Yong.

KPDN Limbang hargai kerjasama pengamal media

LIMBANG: Pencapaian dan kejayaan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Limbang menangani isu dan cabaran hasil kerjasama warga kementerian itu dan pengamal media.

Ketua KPDN Bahagian Limbang Mohd Hazwan Basrol berkata, kementerian itu sangat menghargai sumbangan dan jasa media di Limbang khususnya dalam membantu jabatan itu menyalurkan maklumat penting kepada masyarakat setempat.

“Pencapaian KPDN Limbang dalam menangani isu dan cabaran sepanjang tahun ini adalah daripada kerjasama semua pegawai dan liputan oleh rakan media juga sangat membantu dalam memberi maklumat kepada orang awam,” katanya kepada media semalam.

Katanya, KPDN Limbang akan terus komited

dalam menangani isu dan melindungi hak pengguna, sekali gus mengharapkan kerjasama semua pihak bagi membantu bersama demi memastikan suasana perniagaan yang kondusif.

KPDN Limbang tambahnya, akan terus menjalankan kerjasama lebih erat bagi memastikan KPDN dapat menyalurkan maklumat yang tepat dan sahih kepada masyarakat.

“Melalui hubungan yang baik ini, ia dapat membantu KPDN untuk menyampaikan maklumat yang tepat mengenai keperluan masyarakat di daerah ini,” katanya lagi.

Dalam pada itu, Majlis Makan Malam KPDN Cawangan Limbang diadakan kelmarin bagi menghargai sumbangan rakan dan pengamal media bagi tahun ini.

Turut hadir ialah wakil Ketua KPDN Bahagian Limbang Khadaffi Biansing.

HARI: JUMAAT

TARIKH: 20/12/2024

M/SURAT: 6

Prestasi KPDN Sarawak membanggakan

SIMANGGANG: Kejayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak memenangi Anugerah Penguatkuasa Terbaik peringkat kementerian selama dua tahun berturut-turut merupakan satu pencapaian yang membanggakan.

Ketua Seksyen Penguatkuasa

KPDN Sarawak, Muhd Fahmi Hasrar berkata pencapaian berkenaan sewajarnya diraiakan kerana pegawai penguatkuasa, terutama di Sarawak adalah sangat profesional, komited dan setia dalam menjalankan fungsi-fungsi kementerian.

Selain itu katanya, pegawai penguatkuasa juga mampu

menangani isu-isu kenaikan harga, membendung kegiatan manipulasi harga, memberantas ketirisan barang kawalan bersubsidi serta menstabilkan bekalan barang-barang keperluan.

"Saya berharap agar semua lapisan masyarakat dapat menjadi pengguna yang cekap dan cakna serta sentiasa

mendapatkan maklumat yang benar dan sahih.

"Semua informasi boleh didapati di Pejabat KPDN Sarawak yang sudah pasti lebih berintegriti dengan cara penyampaian yang lebih jelas, tepat dan berkesan kepada masyarakat," katanya semasa berucap merasmikan Majlis Advokasi Kepenggunaan Bersama Rakan Media KPDN Cawangan Sri Aman 2024, di sini semalam.

Dalam pada itu, Muhd Fahmi berkata pengajuran majlis tersebut bertujuan menghargai sumbangan pihak media berdasarkan kualiti dan impak positif laporan berita, editorial, advertorial dan rangkuman isu KPDN yang disalurkan kepada masyarakat, khususnya di Bahagian Sri Aman.

"Dalam konteks KPDN, media bertindak sebagai penghubung yang mendekatkan kementerian dengan masyarakat di dalam dan luar bandar menerusi liputan serta kupasan yang diterbitkan berkaitan isu-isu perdagangan dan kos sara hidup yang relevan dan konsisten sepanjang tahun.

"Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada

semua pihak yang sentiasa menyokong penuh usaha memperkasa pengguna.

"Komuniti dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam membantu mencapai visi dan misi KPDN untuk mendidik masyarakat supaya cakna kepenggunaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Cawangan KPDN Sri Aman, Qartinee Mohamad Esa turut menghargai rakan media di atas sokongan padu, terutamanya terhadap program dan isu-isu berkaitan kepenggunaan serta usaha-usaha KPDN dalam meringankan beban kos sara hidup penduduk.

"Sebagai pengguna, kita mempunyai hak mutlak yang perlu dipertahankan. Pengguna perlu memainkan peranan untuk mendapatkan maklumat yang sahih, nilai yang baik, kualiti dan lain-lain bagi sesuatu barang atau perkhidmatan supaya tidak menjadi mangsa penipuan.

"Dengan media sosial yang tidak dikawal selia sepenuhnya, adalah penting untuk setiap pengguna memahami lapan hak pengguna demi kepentingan diri," jelasnya.



MUHD Fahmi Hasrar merakam kenangan bersama pengamal media semasa Majlis Advokasi Kepenggunaan Bersama Rakan Media KPDN Cawangan Sri Aman 2024, semalam.

• Kes tipu pakej pelancongan ke Korea Selatan

24 laporan diterima

KUALA LUMPUR: Polis menerima 24 laporan daripada individu mendakwa menjadi mangsa penipuan pakej pelancongan ke Korea Selatan dikendalikan seorang pempengaruh dan usahawan tempatan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, nilai kerugian kesemua mangsa melibatkan RM454,450.

"Siasatan sedang dijalankan di bawah Seksyen 420 Kanun Kesekaan dan sebahagian kes telah dirujuk kepada Tribunal Tuntutan Pengguna, Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Sos Sara Hidup untuk tindakan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).

"Mangsa yang terlibat dinasihatkan segera tampil membuat laporan polis agar satu siasatan yang sewajarnya dapat dijalankan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata bagi membendung kes penipuan pakej pelancongan, orang ramai dinasihatkan membuat semakan terhadap pendaftaran agensi pelancongan melalui portal rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menerusi www.motac.gov.my/

semakan/ .

Sejak Isnin, tular menerusi media sosial video luahan seorang wanita yang mendakwa menjadi mangsa penipuan pempengaruh dan usahawan yang membuka agensi pelancongan di Korea Selatan.

Menerusi video berkenaan, wanita itu mendakwa dia bersama rombongan 'terkandas' di lapangan terbang kerana tiada tiket penerangan pulang ke tanah air seperti dijanjikan usahawan terbabit sebelum dimaklumkan terdapat masalah teknikal untuk membuat tempahan tiket.

– Bernama

'E-Commerce Chapter' dilancarkan, lonjak ekonomi digital

KUALA LUMPUR: Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI) memperkenalkan 'E-Commerce Chapter' untuk meningkatkan kerjasama kalangan peserta utama dalam industri e-dagang dan badan pengawalseliaan.

Platform yang baru diwujud-

kan itu bertujuan menyediakan saluran untuk dialog berterusan, pembangunan dasar, dan penyelaras pengawalseliaan, dengan objektif merangsang pertumbuhan berterusan dalam sektor e-dagang Malaysia.

Presiden MICCI Christina Tee berkata langkah itu menandakan

satu pencapaian penting dalam memperkuat kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam ekonomi digital.

Beliau berkata pihaknya mewujudkan penghubung penting antara peserta industri dan badan seilia dengan menggalakkan dialog terbuka untuk

menangani cabaran industri secara berkesan, memperjuangkan inovasi dan memupuk pertumbuhan inklusif.

"E-dagang mempunyai keupayaan untuk memacu daya tahan ekonomi."

"Melalui platform ini kami komited untuk membangunkan ekosistem kolaboratif dan berpandangan jauh yang memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan, terutama dalam memperkasaan perniagaan dan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan," katanya pada majlis pelancaran 'E-commerce Chapter' di sini kelmarin.

Platform utama iaitu Shopee, Lazada, dan Mudah.my juga menyertai 'E-commerce Chapter.'

Sementara itu, jurucakap MICCI dan 'E-commerce Chapter' Hafidzi Razali berkata objektif perwujudan platform itu adalah membuka ruang perbincangan, berkongsi amalan terbaik, dan memastikan syarikat e-dagang terus menyumbang kepada pertumbuhan serta kelestarian pembangunan ekonomi digital di

Malaysia.

Beliau berkata platform itu sebagai saluran untuk menyuarakan pandangan, kebimbangan, atau isu yang boleh diselesaikan bersama.

"Jadi, ia lebih inklusif dan tidak terhad kepada syarikat tertentu sahaja. Platform ini bukan bertindak sebagai orang tengah," katanya pada sidang media selepas pelancaran itu.

Terdahulu, MICCI juga mengadakan perbincangan meja bulat.

Perbincangan itu menumpukan kepada strategi untuk memastikan pertumbuhan e-dagang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, terutama kumpulan yang kurang mendapat perhatian seperti perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) di luar bandar serta usahawan wanita.

Perbincangan itu juga menekankan beberapa aspek seperti memacu pertumbuhan ekonomi, memperkuat perlindungan pengguna, dan menyokong kukuh sektor logistik. — Bernama



SEKRETARIAT

Pengaruh Perdagangan Edaran dan Industri Perkhidmatan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Muhamad Hanif Asa'ari (tengah) semasa pelancaran rasmi Bab E-Dagang MICCI, dengan kerja-sama Shopee, Lazada, dan Mudah.my, kelmarin.

Best Enforcement
Award

State KPDN bags prize for second time

SIMANGGANG: The success of the Sarawak Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in winning the Best Enforcement Award at the ministry level for two consecutive years is a very proud achievement.

Head of the Enforcement Section of the Sarawak KPDN, Muhd Fahmi Hasrar said this achievement should be celebrated because enforcement officers, especially in Sarawak, are very professional, committed and loyal in carrying out the functions of the ministry.

In addition, he said, the enforcement officers involved are able to address issues of price increases, curb price manipulation activities, combat the leakage of subsidised controlled goods and stabilise the supply of essential goods.

"I have great hopes that all levels of society can become literate and knowledgeable consumers and always obtain true and authentic information.

"All information can be found at the Sarawak KPDN Office which is certainly more integrity with a clearer, more accurate and effective way of presenting it to the community," he said at the opening of the Consumer Advocacy Council with the Sri Aman Branch KPDN Media Partners 2024, near here yesterday.

Meanwhile, Muhd Fahmi said that this event was organised by KPDN in appreciation of the contribution of the media based on the quality and positive impact of news reports, editorials, advertorials, issue summaries and pictures of KPDN programmes that have successfully touched the hearts of the community, especially in the Sri Aman Division.

"In the context of KPDN, the media acts as a link that brings the ministry closer to the local and rural communities through coverage and reviews published on trade issues and the cost of living that are relevant and consistent throughout the year," he said.

Boosting digital economy

MICCI launches e-commerce chapter

KUCHING: The Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) successfully launched the official MICCI E-Commerce Chapter with a Round Table Discussion (RTD) to foster greater collaboration between key e-commerce industry players and regulators.

In a statement, it said that the newly-formed e-commerce chapter will serve as a platform for ongoing dialogue, policy development and regulatory alignment, with the goal of driving sustained growth for Malaysia's e-commerce sector.

Titled "E-Commerce as a Catalyst for Malaysia's Economic Resilience and Growth", industry leaders from major e-commerce platforms such as Shopee, Lazada and Mudah.my also participated in the event.

"The RTD centered around strategies ensuring the continued expansion of e-commerce benefits all sectors of society, especially underserved groups like rural MSMEs and women entrepreneurs, and to strengthen Malaysia's economic resilience."

"Key highlights of the discussion include driving economic growth; strengthening consumer protection; and a healthy logistics



HANIF (centre) during the official launch of the MICCI E-Commerce Chapter.

sector.

"It is hoped that this event underscores the industry's commitment to collaborating with government bodies to co-develop policies that cultivate long-term, inclusive growth for Malaysia's thriving e-commerce sector."

MICCI president Christina Tee said that this e-commerce chapter marks an important milestone in strengthening Malaysia's position as a digital economy leader.

"We are creating a vital bridge between industry players and regulators by fostering open dialogue to meaningfully address industry challenges, champion

innovation and foster inclusive growth.

"E-commerce has the power to drive economic resilience, and through this chapter, we are committed to building a collaborative and forward-looking ecosystem that benefits all stakeholders, especially in empowering businesses and underserved communities."

Meanwhile, Shopee Malaysia director Cheng Xun Chua highlighted their commitment to uplifting Malaysians nationwide to succeed in the digital space through an inclusive and easily accessible ecosystem.

"Being a part of the MICCI E-Commerce Chapter allows us to create meaningful change through insightful collaborations with policymakers and industry partners to benefit all communities of users."

"We are grateful for the opportunity to spearhead this chapter alongside other e-commerce industry leaders to create a regulatory framework that fosters innovation and ensures sustainable growth in Malaysia's digital economy."

Lazada Malaysia CEO Kaya Qin expressed excitement to collaborate with industry peers to

shape the future of e-commerce in Malaysia.

"Together, we aim to champion and safeguard the industry, while fostering a robust and sustainable e-commerce ecosystem that benefits both consumers and businesses."

Mudah.my Sdn Bhd CEO Gaurav Bhasin shared that Mudah.my believes in the transformative power of e-commerce to empower local SMEs, create meaningful job opportunities, and bridge the digital divide.

"As we collaborate with policymakers, such as the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), and the Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), our shared priority is to co-create policies that strike a balance between innovation and regulation."

"This approach ensures sustainable growth for all stakeholders, particularly underserved communities, including rural SMEs and women entrepreneurs."

The event was officiated by KPDN Distributive Trade & Services Industry Director Secretariat Muhamad Hanif As'ari.

南洋商報

NANYANG SIANG PAU

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/12/2021

M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

詩華日報

SEE HUA DAILY NEWS

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/12/2021

M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14

மக்கள் ஓரைசை

TAMIL MAKAL OSAI

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/12/2021

M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/12/2021

M/SURAT: 14

HARI: KHAMIS

TARIKH: 2/12/2021

M/SURAT: 14